



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

JK/MP 135 Jld.2

23 Jun 2011

Semua Majistret
Seluruh Malaysia

Tuan/Puan,

**PENGENDALIAN KES-KES DI BAWAH AKTA KEGANASAN RUMAHTANGGA (AKRT)
1994**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah menerima isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengenai pengendalian kes-kes di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) 1994 semasa mesyuarat Inter-Agensi pelaksanaan AKRT 1994 iaitu ketidakseragaman amalan dalam mengendalikan kes-kes dibawah AKRT masih berlaku antara setiap Majistret di seluruh Malaysia.

3. Ketidakseragaman amalan ini telah menimbulkan kesukaran kepada beberapa pihak terutamanya orang awam. Oleh yang demikian, arahan ini dikeluarkan untuk memastikan keseragaman amalan di antara semua Majistret seluruh Malaysia sewaktu mengendalikan kes-kes melibatkan keganasan rumah tangga.

4. Isu-isu yang masih dibangkitkan adalah seperti berikut:-

Isu (i) : Mahkamah menolak permohonan mangsa untuk perintah perlindungan sementara (IPO) sekiranya kejadian berlaku di daerah lain dan permohonan untuk IPO telah dikemukakan mangsa di daerah lain. Contohnya jika kejadian berlaku di Miri, mangsa lari ke Kuching- Mahkamah Kuching enggan mengeluarkan perintah IPO.

Tindakan : Tuan/Puan adalah diarahkan untuk menerima setiap permohonan yang dikemukakan tanpa mengambil kira tempat di mana kejadian berlaku. Ini adalah untuk memastikan mangsa mendapat perlindungan dengan segera. Sekiranya

mangsa perlu kembali ke tempat asal kejadian berlaku, keselamatannya mungkin akan terancam. Di samping itu, ia akan mengambil masa dan menyusahkan mangsa.

(Sila rujuk Seksyen 14 AKRT 1994)

Isu (ii) : Terdapat mahkamah yang telah mengarahkan mangsa untuk hadir bersama-sama dengan pegawai JKM sedangkan tiada peruntukan yang mengkehendaki mangsa mesti hadir bersama pegawai JKM.

Mangsa boleh mendapatkan IPO/PO di mahkamah melalui 3 cara iaitu:-

- (a) memohon terus ke mahkamah
- (b) melalui bantuan Pegawai JKM
- (c) melalui bantuan pihak polis

Tindakan : Oleh yang demikian, Tuan/Puan adalah diarahkan untuk memastikan setiap permohonan yang dikemukakan oleh mangsa sendiri diproses walaupun tanpa kehadiran pegawai JKM. Ini akan mempercepatkan proses permohonan tersebut untuk memastikan keselamatan mangsa. Mahkamah boleh menasihati mangsa untuk merujuk kepada JKM jika mangsa memerlukan bantuan tetapi tidak mengarahkan untuk berjumpa dengan pegawai JKM terlebih dahulu sebelum mengemukakan sebarang permohonan. Pegawai JKM adalah berperanan untuk membantu mangsa memberikan aduan.

(Sila rujuk peruntukan Seksyen 15 AKRT)

Isu (iii) : Perintah IPO dikeluarkan atas nama ibu dan anak-anak dalam satu perintah.

Tindakan : Tuan/Puan adalah diarahkan untuk memastikan satu perintah dikeluarkan atas nama individu masing-masing khususnya bagi perintah IPO yang melibatkan ibu dan anak-anak. Ini adalah kerana di dalam AKRT 1994 (**Rujuk Borang 1 & Borang 2-P.U (A) 60 Peraturan-Peraturan Keganasan Rumahtangga (borang-borang ditetapkan) 1999**) adalah jelas memperuntukkan bahawa perintah perlindungan interim dan perintah perlindungan adalah di atas nama setiap individu. Sehubungan dengan itu, adalah tidak wajar untuk meletakkan beberapa nama individu lain di dalam satu perintah walaupun ia adalah manasa dalam kes yang sama.

5. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta daripada tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

s.k

Puan Al-Baishah binti Haji Abd. Manan
Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya **[Untuk makluman dan tindakan lanjut pihak tuan]**

YBhg Dato' Che Mohd Ruzima bin Ghazali
Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya **[Untuk makluman dan tindakan lanjut pihak tuan]**

Tuan Azhahari Kamal bin Ramli
Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
Jalan Gersik
93050 Petrajaya
Kuching, Sarawak **[Untuk makluman dan tindakan lanjut pihak tuan]**

Semua Pengarah Mahkamah Negeri
Seluruh Malaysia
[Untuk makluman dan tindakan lanjut pihak tuan]